

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana serius kes penyakit polio yang banyak dilaporkan kebelakangan ini, terutama di Sabah dan apakah Kementerian mempunyai vaksin mencukupi bagi memberikan rawatan kepada pesakit. Selain itu, bagaimana penyakit polio ini muncul kembali di Malaysia pada tahun 2019 setelah lama telah bebas daripada penyakit tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Negara telah dikejutkan dengan pengesahan kes polio pertama pada 8 Disember 2019 di negeri Sabah, selepas kes polio terakhir dikesan 27 tahun yang lalu. Sehingga kini, **terdapat empat (4) kes disahkan polio di Sabah**, iaitu melibatkan pesakit berumur 3 bulan, 3 tahun, 8 tahun dan 11 tahun semasa disahkan mendapat jangkitan. Kes terakhir yang dilaporkan mula mendapat gejala kelumpuhan pada 18 Januari 2020.
2. Daripada empat (4) kes polio tersebut, **satu (1) kes masih dirawat di hospital kerana memerlukan alat bantuan pernafasan** manakala tiga (3) kes lagi masih mengalami lemah anggota kaki namun boleh berjalan dengan sokongan.
3. Selain daripada itu, melalui persampelan persekitaran yang dijalankan, **virus polio telah dikesan dalam 24 sampel air kumbahan yang diambil di Sabah, serta satu (1) sampel air kumbahan yang diambil di WP Labuan**. Sampel persekitaran positif yang terakhir dikesan virus polio adalah pada 13 Mac 2020.
4. Bagi mencegah penularan wabak polio di negeri Sabah, KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah menjalankan **Kempen Imunisasi Polio Sabah (KIPS) bagi menghentikan penularan virus polio**. Kempen ini dijalankan sejak daripada 27 Disember 2019, melibatkan pemberian dua (2) jenis vaksin oral polio (OPV) iaitu vaksin *bivalent oral polio jenis 1* dan *3 (bOPV)* dan vaksin *monovalent oral polio jenis 2* (*mOPV2*) yang diberikan secara titisan ke dalam mulut. Dalam kempen ini, setiap kanak-kanak berumur bawah 13 tahun di seluruh negeri Sabah diberikan vaksin bOPV dan mOPV2, dengan setiap vaksin sebanyak dua (2) dos. Buat masa ini, bekalan vaksin bagi KIPS adalah mencukupi bagi menampung keperluan populasi kanak-kanak bawah 13 tahun di seluruh negeri Sabah.

5. Aktiviti kempen yang dijalankan juga agak perlahan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (sejak 18 Mac 2020), namun telah dipergiatkan semula semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Dengan peningkatan kes COVID-19 di negeri Sabah sejak kebelakangan ini, aktiviti kempen secara aktif terpaksa ditangguhkan di kawasan-kawasan yang merekodkan peningkatan kes COVID-19.
6. Walaupun terdapat banyak kekangan, pencapaian kempen adalah tetap baik. **Sehingga 21 Oktober 2020, seramai 815,846 (95.6%) orang kanak-kanak di Sabah telah menerima dua (2) dos vaksin bOPV, manakala 688,016 (80.6%) orang kanak-kanak di Sabah telah menerima dua (2) dos vaksin mOPV.**
7. Semenjak 18 Januari 2020, iaitu tarikh *onset* atau tarikh mula mengalami gejala kelumpuhan bagi kes terakhir, tiada lagi penambahan kes menunjukkan jangkitan polio di Sabah adalah terkawal.
8. Untuk makluman, di antara punca utama wabak polio di Sabah adalah disebabkan **mobilisasi yang tinggi di kalangan bukan warganegara**. Pergerakan mereka melibatkan rentas sempadan antara Sabah dan negara Filipina yang turut dilanda penularan polio sebelum ini. Tambahan pula, kebanyakan populasi bukan warganegara ini tidak mempunyai sebarang rekod imunisasi menyebabkan mereka berisiko tinggi mendapat jangkitan virus polio.

Sekian, terima kasih.